

# Tatakelakuan

KUMPULAN B. BRAUN

## Prinsip

Selaras dengan strategi korporat kami, kumpulan B. Braun milik keluarga kami telah menerapkan tanggungjawab undang-undang dan korporat dalam prinsip tadbir urus korporat kami. Setiap syarikat dalam kumpulan B. Braun diharapkan agar mematuhi undang-undang yang terpakai dan peraturan lain di negara tempat syarikat menjalankan perniagaan dan menganggap ini sebagai standard yang minimum. Pematuhan untuk kumpulan B. Braun melangkaui pematuhan undang-undang dan peraturan yang sah. Hal ini juga merangkumi nilai etika integriti, keadilan dan kelestarian serta menghasilkan tindakan yang telus di dalam dan luar organisasi.

Tatakelakuan ini menggariskan dasar tingkah laku beretika semua pekerja kami dan diwajibkan ke atas semua aktiviti kami di seluruh dunia. Tatakelakuan ini menjadi asas kepada keseluruhan sistem pengurusan pematuhan B. Braun. Kumpulan syarikat B. Braun dikehendaki menggubal Tatakelakuan ini sebagai standard yang minimum. Negara-negara hendaklah mempertimbangkan dengan teliti prinsip tadbir urus korporat yang baik yang perlu dilaksanakan sebagai tambahan

kepada undang-undang dan peraturan negara tempatan dan hendaklah ditambah lagi dengan garis panduan tambahan negara atau seluruh dunia jika berkenaan.

Berkongsi Kepakaran ialah janji B. Braun untuk berkongsi, mengembangkan secara sistematik dan menggunakan kepakaran dan pengetahuan perubatannya secara berkesan dalam penjagaan kesihatan – melalui dialog tertutup dan patuh dengan para pelanggan dan rakan kongsi. Bagi pekerja kami, 'Berkongsi Kepakaran' bermakna menyumbang dan sentiasa membina kepakaran sendiri serta kepakaran syarikat kami. Melalui interaksi berterusan dengan rakan kongsi perniagaan luaran, kami dapat mengenal pasti keperluan komuniti perubatan dan meningkatkan kualiti kehidupan pesakit.

B. Braun SE – Lembaga Pengarah

## 1. Konflik kepentingan

Kami memberi jaminan bahawa kepentingan peribadi tidak menjejaskan kepentingan syarikat kami.

Konflik kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi pekerja menjejaskan atau 'bercanggah' dengan tugas pekerja B. Braun. Kumpulan B. Braun mengakui dan menghormati kepentingan dan aktiviti peribadi para pekerjanya. Namun begitu, kumpulan B. Braun mengharapkan kesetiaan yang tidak berbehal bahagi daripada semua pekerjanya. Pekerja tidak dibenarkan terlibat dalam aktiviti yang bercanggah dengan perniagaan kumpulan B. Braun dan boleh menjejaskan tanggungjawab tugas yang diberikan kepada pekerja, yang mesti dilakukan demi kepentingan terbaik B. Braun pada bila-bila masa.

Pekerja tidak boleh menggunakan kedudukan mereka dalam B. Braun, atau maklumat atau aset B. Braun untuk kepentingan peribadi atau untuk memberi manfaat kepada orang lain secara tidak wajar. Bagi mengelakkan risiko yang dikaitkan dengan konflik kepentingan, termasuk bibit-bibit konflik kepentingan, pekerja kumpulan B. Braun dikehendaki mendedahkan sebarang konflik kepentingan sebenar atau yang berpotensi kepada penyelia mereka kepada jabatan tertentu atau kepada ahli jawatankuasa yang akan menangani dan menyelesaikan konflik tersebut jika perlu.

## 2. Harta dan aset berharga syarikat

Kami melindungi harta, aset dan peluang perniagaan syarikat kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pengetahuan, paten, tanda dagangan, hartanah dan peralatan kerja. Harta dan nilai proprietari kumpulan B. Braun telah dikumpulkan melalui kerja keras dan dedikasi pekerja B. Braun dan membentuk bahagian penting dalam tindakan dan operasi keusahawanan syarikat.

Semua pekerja kumpulan B. Braun diharapkan supaya melindungi dan memelihara harta syarikat serta aset nyata dan tidak nyata untuk memastikan dan mempromosikan kejayaan berterusan serta pembangunan lestari kumpulan B. Braun.

## 3. Perlindungan data dan keselamatan maklumat

Kami melindungi pengetahuan dan kepakaran syarikat kami dengan merahsiakan semua maklumat proprietari. Kami melabelkan rahsia perniagaan dan perdagangan syarikat kami sebagai sulit

Jika kami perlu mendedahkan maklumat sulit kepada pihak ketiga dan/atau rakan kongsi perniagaan kami, kami juga mensyaratkan agar mereka merahsiakan maklumat tersebut. Kami melindungi data peribadi pekerja kami daripada pendedahan yang tidak dibenarkan. Selain itu, data peribadi pekerja kami dikendalikan dengan teliti dan mematuhi semua keperluan dalaman serta peraturan yang berkaitan. Kami mengambil langkah berjaga-jaga yang lebih teliti untuk melindungi data sulit dan peribadi dengan langkah teknikal, organisasi, prosedur dan kontrak tertentu untuk mengelakkan pengumpulan, penggunaan dan pemprosesan maklumat tanpa kebenaran.

## 4. Menghormati hak asasi manusia dan kepelbagaian

Kami mengesahkan tanggungjawab kami dan komitmen kami untuk mematuhi dan menggalakkan hak asasi manusia Kumpulan B. Braun menyokong dan menghormati piawaian buruh utama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan menekankan komitmen ini dengan pengisytiharannya untuk menghormati hak asasi manusia.

Kami menghargai perspektif, pemikiran, pengalaman dan latar belakang yang berbeza. Dengan kepelbagaian sebagai nilai utama, pengambilan kerja, pekerjaan dan keputusan perniagaan kami tidak sekali-kali berlandaskan pertimbangan umur, latar belakang etnik, kewarganegaraan, jantina, identiti jantina, keupayaan fizikal, keupayaan mental, agama, pandangan pada dunia, orientasi seksual, latar belakang sosial, atau sebarang ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang.

Amalan pekerjaan B. Braun menyediakan peluang yang sama rata kepada semua pekerja. Dengan memperkukuh sebuah persekitaran kerja yang menghargai, inklusif, hormat-menghormati dan sama rata, kami mewujudkan suatu budaya yang dengannya semua pekerja berasa bebas untuk menjadi diri mereka sendiri. Kami menganggap kepelbagaian sebagai suatu aset untuk mencapai visi kami dalam melindungi dan meningkatkan kesihatan orang ramai di seluruh dunia. Untuk memenuhi keperluan pelanggan kami yang berbeza-beza, kami memanfaatkan kepelbagaian dalam reka bentuk produk dan komunikasi kami.

Kami menyediakan peluang sama rata yang mematuhi undang-undang melangkaui pematuhan undang-undang untuk mewujudkan persekitaran yang bertimbang rasa terhadap semua pekerja dan pelanggan tanpa mengira tempat B. Braun menjalankan perniagaannya.

## 5. Melindungi alam sekitar

Kami menganggap aktiviti ekonomi yang lestari dan pemeliharaan sumber asli sebagai sumbangan untuk melindungi alam sekitar demi generasi masa kini dan akan datang.

Mematuhi semua peraturan alam sekitar dan menghargai alam sekitar memerlukan kami untuk mengendalikan sumber tertentu dengan berhati-hati dan mencapai kejayaan korporat berdasarkan kelestarian. Tanggungjawab alam sekitar dan pemuliharaan tenaga merupakan bahagian penting bagi sebuah syarikat pengeluaran yang beroperasi mengikut piawaian bertaraf dunia.

## 6. Kesihatan dan keselamatan kerja para pekerja kami

Kami mengutamakan pewujudan dan pengkalan persekitaran kerja yang selamat untuk para pekerja kami. Kakitangan eksekutif kami sedar akan tanggungjawab mereka dan mencerminkan perkara ini dengan memimpin melalui teladan. Pihak pengurusan dan pekerja komited untuk memastikan keselamatan dan operasi yang berkesan.

Penyelia bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pekerja dilatih secukupnya tentang semua prosedur kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dengan kerja dan peranan mereka. Kami menjalankan penilaian risiko dengan kerap untuk mengenal pasti bahaya yang berpotensi di tempat kerja dan susulan daripada itu, memperbaiki cara kami bekerja secara berterusan. Sistem pengurusan perlindungan kerja, kesihatan dan keselamatan kami yang diperakui merangkumi semua proses dalaman dan dengan itu, menjamin pelaksanaan piawaian kami yang tertinggi. Pengawasan yang sebaiknya dijalankan secara berkala oleh juruaudit dalaman dan luaran.

## 7. Pencegahan rasuah dan sogokan

Kami komited terhadap piawaian tertinggi dalam menjalankan amalan perniagaan kami di seluruh dunia. Kami tidak memberikan manfaat atau kelebihan yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar dan kami juga tidak menerima manfaat atau kelebihan sedemikian.

Industri penjagaan kesihatan dikawal selia dengan ketat. Salah laku boleh membawa kepada akibat negatif yang ketara. Di B. Braun, kami mengelakkan perkara ini dengan menggabungkan integriti dan urus niaga yang adil dalam semua aktiviti perniagaan kami. Semua pekerja B. Braun bertanggungjawab untuk mengelakkan aktiviti rasuah dan tidak boleh sama sekali menawarkan, menjanjikan, membayar, atau membenarkan sebarang nilai yang tidak wajar atau menerima manfaat secara tidak adil (seperti wang, barangan

atau perkhidmatan) untuk mendapatkan atau mengekalkan manfaat yang tidak wajar semasa menjalankan urus niaga syarikat. Ini terpakai untuk semua perhubungan perniagaan, termasuk rakan kongsi perniagaan dan semua pihak ketiga yang bertindak bagi pihak kami. Permintaan pihak ketiga untuk mengutip sumbangan amal, dana untuk program pendidikan atau sebarang pendermaan produk hanya akan diberikan berdasarkan mana-mana peruntukan berkanun dan dasar B. Braun yang berkaitan. Dengan cara ini, kami memastikan bahawa semua jenis pemberian adalah bebas daripada tekanan perniagaan dan didokumenkan, telus serta mematuhi Nilai Pasaran Adil. Jika kita tidak dapat melakukan sesuatu secara adil, kita tidak akan melakukannya sama sekali. Urus niaga bermanfaat tidak boleh dijadikan alasan untuk pelanggaran undang-undang.

## 8. Persaingan dan urus niaga yang adil

Kami berusaha mengatasi prestasi pesaing kami dengan menunjukkan prestasi yang unggul secara adil dan jujur, bukan dengan amalan perniagaan yang tidak beretika atau menyalahi undang-undang. Kumpulan B. Braun mematuhi semua undang-undang kawalan perdagangan dan embargo di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kami mengurus niaga secara adil dengan rakan kongsi, pesaing, pesakit, pihak berkuasa kerajaan dan pekerja kami. Kami menggalakkan persaingan terbuka dan terlibat dengan persaingan ini secara adil dan telus. Kami bergantung pada kualiti produk dan perkhidmatan kami dan menolak amalan pasaran yang tidak adil atau bercanggah dengan undang-undang, terutamanya pakatan sulit atau yang terlihat sebagai pakatan sulit dengan rakan kongsi perniagaan yang boleh menjejaskan persaingan bebas. Sebagai sebuah syarikat global, B. Braun mematuhi undang-undang di setiap bidang kuasa tempat B. Braun menjalankan perniagaannya serta keperluan antarabangsa yang berkenaan. Selain itu, kami juga mematuhi sekatan eksport dan perdagangan tambahan termasuk embargo, yang digubal oleh sesetengah bidang kuasa di bawah lingkungan undang-undang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, B. Braun komited untuk memerangi jenayah terancang dan pembiayaan keganasan dengan menjalankan perniagaan hanya dengan rakan kongsi perniagaan yang mematuhi undang-undang.

## 9. Kualiti

Sebagai perniagaan milik keluarga, kami bertindak dengan cara yang lestari dan inovatif untuk membangunkan produk, proses dan perkhidmatan berorientasikan masa depan yang mampu memenuhi keperluan pasaran penjagaan kesihatan yang berkembang dengan pantas. Penyelesaian kami direka cipta untuk melindungi dan meningkatkan kesihatan orang ramai di seluruh dunia. Hal ini memerlukan produk dan perkhidmatan yang selamat dan boleh dipercayai penggunaannya malah fungsinya juga turut mematuhi standard kualiti tertinggi. Untuk mencapainya, kami berbincang dengan para doktor, ahli profesional penjagaan kesihatan, pesakit, kerajaan dan pihak berkuasa melalui diskusi yang membina. Bagi memastikan kepercayaan pelanggan kami dan terus mempromosikan keselamatan serta kepuasan pesakit, semua pekerja B. Braun bertanggungjawab terhadap kualiti produk dan perkhidmatan.

**Dasar Kualiti:** Semua pekerja B. Braun dan pihak pengurusan syarikat sangat komited terhadap budaya kualiti kami dan menggalakkan penambahbaikan yang berterusan. Proses kami yang patuh dan berkesan serta tindakan kami yang bertanggungjawab, lestari dan berorientasikan nilai memastikan semua aktiviti kami berkualiti tertinggi.

Dengan sistem pengurusan kualiti global, kami memastikan bahawa keperluan, peraturan, undang-undang dan piawaian antarabangsa yang berkenaan dipatuhi bagi merealisasikan akses produk dan perkhidmatan kami berterusan di pasaran.

Kami berusaha mencapai Kecemerlangan Kualiti terhadap pesakit, pelanggan, rakan kongsi dan pekerja dengan

- menyesuaikan pendekatan berasaskan risiko yang bersepadu bagi memastikan kualiti terbaik, produk yang selamat dan lestari, proses yang dipermudah dan kecemerlangan perkhidmatan
- menggunakan teknologi untuk memastikan pematuhan kawal selia dan kualiti yang berterusan
- penyeragaman, pendigitalan serta pemantauan, analisis dan pengoptimuman kualiti sistem, proses dan metodologi yang berterusan
- meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pekerja kami bagi memastikan penyesuaian teknologi baharu, pendigitalan data dan menyokong pematuhan berterusan terhadap keperluan kawal selia yang berubah-ubah.

## 10. Kelestarian

Kami komited menggunakan sumber kami secara lestari dari segi ekonomi, alam sekitar dan sosial untuk merealisasikan visi kami dalam melindungi dan meningkatkan kesihatan orang ramai di seluruh dunia. Kami berusaha untuk menyepadukan sepenuhnya kelestarian dalam semua perkara yang kami lakukan: dalam penyelesaian, proses dalaman dan sosial.

Dengan mengambil kira kelestarian sebagai salah satu daripada nilai teras syarikat, kami membuat keputusan perniagaan dengan mengutamakan generasi masa kini dan akan datang. Oleh itu, kami komited terhadap standard bersama dan sasaran global dan merealisasikannya melalui sumbangan tempatan. Pertukaran kepakaran dan pengetahuan yang berterusan di jabatan kami membolehkan kami melaksanakan penyelesaian yang lestari dalam seluruh kitaran penciptaan nilai B. Braun.

## Program dan prosedur pematuhan

Pihak pengurusan bagi setiap kumpulan syarikat B. Braun bertanggungjawab untuk mewujudkan, mengekalkan dan menambah baik program pematuhan tempatan secara berterusan, selaras dengan syarat-syarat Pejabat Pematuhan Kumpulan syarikat (dan sebarang peraturan dan undang-undang bidang kuasa tempatan yang berkenaan).

Program pematuhan ini merangkumi pelantikan Pegawai Pematuhan, kadangkala disokong oleh jawatankuasa pematuhan tempatan, penyampaian dan latihan tentang Tatakelakuan syarikat, pemantauan berterusan status pematuhan syarikat, laporan status bertulis yang kerap dan berkala, serta pewujudan saluran pelaporan bagi menggalakkan pekerja dan pihak ketiga melaporkan sebarang pelanggaran Tatakelakuan atau undang-undang yang disyaki. Segala laporan tentang ketidakpatuhan yang disyaki boleh diserahkan secara lisan atau bertulis kepada orang hubungan pematuhan tempatan kami melalui alamat e-mel dan nombor telefon yang disiarkan pada laman web luaran dan dalaman B. Braun. Pihak yang terlibat akan disiasat sewajarnya dan tindakan pembetulan akan diambil sekiranya perlu bagi mengukuhkan lagi sistem pengurusan pematuhan. Sebarang komunikasi sulit dengan pemberi maklumat akan dipastikan mematuhi perlindungan data dan

mengikut keperluan undang-undang yang berkenaan. Kumpulan B. Braun melarang sebarang tindakan balas terhadap pekerja atau pihak ketiga yang didapati secara ikhlas melaporkan pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki.

Kami beroperasi dalam industri yang dikawal selia dengan ketat dan memerlukan pematuhan yang teliti terhadap undang-undang, peraturan, piawaian serta syarat-syarat yang mungkin rumit. Ketidakpatuhan boleh mengakibatkan reputasi tercemar dan sejumlah penalti yang besar kepada syarikat, pihak pengurusan atau pekerja. Tatakelakuan ini menyediakan panduan dalam usaha mengelakkan sebarang pelanggaran peraturan apabila perniagaan dijalankan secara adil dan mematuhi undang-undang.

Bagi memastikan pematuhan ini, semua pekerja B. Braun dikehendaki melaporkan sebarang potensi tindakan yang menyalahi Tatakelakuan ini atau undang-undang. Peraturan dan syarat-syarat untuk melaporkan dan memproses sebarang ketidakpatuhan yang berpotensi disertakan dalam garis panduan korporat kami yang boleh diakses oleh semua pekerja B. Braun. Saluran komunikasi yang betul telah diwujudkan dan hal ini diuruskan oleh Pegawai Pematuhan.

Pejabat Pematuhan Kumpulan B. Braun  
[www.bbraun.com](http://www.bbraun.com) | Tel. +49 (0) 5661 71-6500  
E-mel: [compliance@bbraun.com](mailto:compliance@bbraun.com)

**B. Braun SE | [www.bbraun.com](http://www.bbraun.com)**